



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	15/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	TNB			

TNB kekal Anugerah Emas ARA tahun ini

BH, 15 Sept
2021_37

Laporan Tahunan Integrasi Tenaga Nasional Bhd (TNB) mendapat pengiktirafan Anugerah Emas Australasian Reporting Awards (ARA) 2021 pada majlis yang diadakan secara maya dari Sydney, Australia pada 18 Ogos lalu.

Kejayaan itu mengulangi pencapaian pada 2017, 2018 dan 2020, selain memperoleh Gangsa pada 2016.

TNB tersenarai sebagai penerima Anugerah Emas bersama 69 syarikat antarabangsa lain.

ARA yang disertai pelbagai organisasi korporat, agensi kerajaan dan NGO dari serata negara Asia Pasifik ini turut meletakkan TNB sebagai pemenang Anugerah Perak bagi kategori Laporan Kelestarian serta Anugerah Khas untuk Laporan Keselamatan dan Kesihatan Kerja.

Dalam laporan kehakiman bagi Anugerah Khas, ARA menyebut Laporan Tahunan Integrasi TNB menyediakan liputan menyeluruh terhadap polisi pengurusan dan tindakan yang dilakukan bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan

warga kerjanya serta membina budaya keselamatan yang kukuh.

Ia melaporkan secara jujur kemalangan yang menyebabkan kematian dan kecederaan serta langkah yang diambil bagi mengatasinya.

Setiausaha Syarikat TNB, Norazni Mohd Isa menyifatkan anugerah yang diterima sebagai bukti kepada dedikasi, kerja keras dan semangat kerjasama warga TNB bagi mendapatkan hasil yang cemerlang.

“Semangat kerjasama adalah satu daripada enam nilai teras TNB yang berfungsi mengeratkan perpaduan antara 35,000 warga kerja menuju ke arah aspirasi yang sama, iaitu menjadikan TNB sebagai pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan.

Anugerah diperkenalkan sejak 1950 itu bertujuan memberi peluang kepada organisasi menanda aras laporan tahunan mereka berdasarkan kriteria ARA dengan berpandukan amalan terbaik dunia.

